



**MYSOP**

# Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely

05 November 2022



## Arahan Tetap

- Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]
- Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) 2022 [*P.U.(A) 214/2022*]
- Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [*P.U.(A) 83/2022*].
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [*P.U.(A) 83/2022*]. SOP ini hendaklah dipatuhi oleh semua individu di seluruh Malaysia dan mula berkuat kuasa pada 3 Ogos 2022.
2. SOP ini menetapkan keperluan wajib untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian. Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu hendaklah sentiasa mematuhi SOP semasa menjalankan atau menyertai aktiviti di premis yang berkenaan termasuk kawasan terbuka, ruang tertutup atau di dalam kenderaan. Definisi adalah seperti berikut:

<b>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis<sup>1</sup></b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan premis termasuk kenderaan<sup>2</sup> atau aktiviti yang dijalankan termasuk pemilik/ pemunya/ penghuni, pemegang pendaftaran/ lesen/ permit beroperasi, operator premis, syarikat, peniaga, majikan, pertubuhan, persatuan, pengurusan rumah ibadat (termasuk masjid dan surau), penganjur, pengatur acara atau tuan rumah untuk kediaman persendirian.</li> </ul> <p>Nota: <sup>1</sup> Definisi "premis" di bawah Akta 342 "termasuklah apa-apa struktur, kekal atau selainnya, tanah di mana struktur itu terletak, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengannya, dan termasuk juga mana-mana jalan, kawasan lapang atau kenderaan".</p> <p><sup>2</sup> Definisi "kenderaan" dalam Akta 342 "termasuklah kapal, pesawat udara, keretapi, kenderaan jalan raya dan apa-apa alat pengangkutan lain".</p>
<b>B) Pekerja</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang yang digajikan atau ditugaskan oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis untuk menjalankan sesuatu kerja atau tugas tertentu termasuk kakitangan, tenaga pengajar, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, marsyal/ pengelola/ kru di acara sukan atau hiburan atau sukarelawan.</li> </ul>
<b>C) Individu</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang yang hadir di premis atau menjalankan aktiviti termasuk pelanggan, pengunjung, penonton, penganut, ibu bapa, murid, pelajar, pelatih atau peserta;</li> <li>• Ibu bapa atau penjaga hendaklah bertanggungjawab terhadap tanggungan masing-masing (contoh: individu di bawah 18 tahun, warga emas, individu kurang upaya dan berkeperluan khas);</li> <li>• Majikan langsung atau majikan utama atau kedua-duanya; dan</li> <li>• Pengembara dari luar negara sama ada individu warganegara atau bukan warganegara yang memasuki Malaysia, melalui laluan udara, laut dan darat. Pengembara juga hendaklah mematuhi semua akta, peraturan dan SOP berkaitan keperluan pengembara sebelum berlepas ke Malaysia, semasa ketibaan di Malaysia dan semasa berada di Malaysia.</li> </ul>

## Arahan Tetap

3. Keperluan Umum dalam SOP ini hendaklah dipatuhi oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu yang berkaitan melainkan dengan pengecualian tertentu yang telah diberikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan SOP ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah Kesihatan atau seseorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta 342, apabila disabitkan, boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya. Pengisytiharan maklumat palsu yang dibuat oleh Individu adalah satu kesalahan di bawah seksyen 22.(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.
5. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan (syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain) melakukan suatu kesalahan di bawah SOP ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha syarikat atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian:
  - a. Boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
  - b. Jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan:
    - i. Bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
    - ii. Bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.
6. Mana-mana Pekerja dan Individu secara amnya mesti memahami syarat kehadiran di premis atau penyertaan aktiviti-aktiviti tertentu serta akur kepada arahan Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis semasa berada di premis di mana aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan.
7. Bagi kawasan/ lokaliti yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), SOP PKPD di kawasan/ lokaliti berkenaan adalah berkuat kuasa sehingga tarikh tamat PKPD tersebut.
8. Dalam situasi/ keadaan tertentu, Kementerian, Jabatan atau Agensi boleh mengeluarkan protokol khusus bagi tujuan menerangkan pelaksanaan sesuatu perkara atau keadaan itu berdasarkan keperluan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Selain daripada SOP ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk sentiasa mematuhi undang-undang, ketetapan dan lain-lain arahan yang berkuat kuasa atau dikeluarkan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa.

## Kategori aktiviti

Aktiviti-aktiviti di bawah tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian, jabatan dan agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Aktiviti</b>
1	Pengangkutan dan Perjalanan
2	Institusi Pendidikan dan Penjagaan
3	Aktiviti Peruncitan, Makanan dan Minuman
4	Ruang Kerja Tertutup
5	Kawasan Kerja Terbuka
6	Acara, Majlis, Hiburan dan Tarikan Pelancong
7	Hotel dan Penginapan Tetamu
8	Keagamaan, Perkahwinan dan Pengebumian
9	Aktiviti dan Fasiliti Sukan, Rekreasi & Riadah



## KEPERLUAN UMUM

	Muka Surat
1. Waktu Beroperasi	5
2. Pelitup Muka	5
3. Pengudaraan	6
4. Kebersihan Tangan	6
5. Pembersihan Premis	6
6. Ujian Pengesanan COVID-19	6
7. Pengurusan Individu	7

# Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
1. Waktu Beroperasi	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Beroperasi mengikut syarat lesen dan permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</li> </ul>
	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Boleh menentukan sama ada pekerja atau individu perlu memakai pelitup muka atau sebaliknya semasa berada di premis.</li> <li>ii. Memastikan pekerja dan individu memakai pelitup muka semasa berada dalam pengangkutan awam dan fasiliti kesihatan.</li> </ul> <hr/> <p><b><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemakaian pelitup muka <b>DIWAJIBKAN</b> bagi situasi berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Kes positif COVID-19 yang perlu ke CAC atau fasiliti kesihatan untuk menjalani pemeriksaan dan penilaian kesihatan atau ke suatu premis yang telah dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia;</li> <li>b. Semasa menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi termasuk perkhidmatan e-hailing, bas/van pekerja dan bas/van sekolah <b>KECUALI kapal terbang</b>; dan</li> <li>c. Semasa berada di fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, rumah penjagaan, pusat hemodialisis, makmal perubatan dan lain-lain premis yang setara dengan fasiliti kesihatan.</li> </ul> </li> <li>ii. Pemakaian pelitup muka di dalam bangunan (<i>indoor</i>) adalah atas pilihan (<i>optional</i>)<sup>1</sup>.</li> <li>iii. Pemakaian pelitup muka di luar bangunan (<i>outdoor</i>) dan kawasan terbuka adalah tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun pemakaiannya <b>AMAT DIGALAKKAN</b><sup>1</sup> kerana ia terbukti mampu mengurangkan risiko penularan jangkitan.</li> </ul>
2. Pelitup Muka <sup>1</sup>	<p><b>Nota:</b></p> <p><sup>1</sup>Pemakaian pelitup muka adalah <b>AMAT DIGALAKKAN</b> sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti pasar malam, stadium, gedung membeli belah, rumah-rumah ibadah dan tempat perhimpunan ramai;</li> <li>ii) Individu bergejala seperti demam, batuk dan selsema;</li> <li>iii) Individu berisiko tinggi seperti warga tua, orang dengan penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah dan ibu mengandung; dan</li> <li>iv) Melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.</li> </ul>

## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
3. Pengudaraan	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan premis terutamanya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik mengikut Garis Panduan Pengudaraan Dan Kualiti Udara Dalam, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)<sup>1</sup>.</li> </ul>
	<p>Nota: <sup>1</sup> Sila rujuk <u>Garis Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalam JKKP di <a href="https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/guidance-note-on-indoor-air-quality-iaq-during-covid-19-pandemic">https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/guidance-note-on-indoor-air-quality-iaq-during-covid-19-pandemic</a></u></p>
4. Kebersihan Tangan	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan kemudahan untuk membasuh tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitiser</i> di tempat bersesuaian dan strategik.</li> </ul>
5. Pembersihan Premis	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan proses pembersihan secara berkala (sekurang-kurangnya sekali sehari) terutamanya di kawasan umum atau peralatan dan permukaan sering disentuh; dan</li> <li>ii. Memastikan proses pembersihan direkod untuk diperiksa.</li> </ul>
6. Ujian Pengesanan COVID-19	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 untuk Pekerja dan Individu sekiranya bergejala.</li> <li>ii. Pengamal perubatan di mana-mana fasiliti kesihatan hendaklah menggunakan Sistem eCOVID bagi memasukkan data individu yang menjalankan ujian pengesanan COVID-19, sama ada dilakukan secara fizikal atau secara maya dengan pengamal perubatan tersebut.</li> </ul>
	<p><b><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 sekiranya bergejala; dan</li> <li>ii. Melaporkan keputusan ujian di aplikasi MySejahtera.</li> </ul>

# Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
<b>7A. Pengurusan Individu Bergejala Dan Disahkan COVID-19</b>	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan protokol kesihatan dan keselamatan serta menguruskan individu bergejala, kes disahkan COVID-19 dan kontak rapat berdasarkan <i>COVID-19 Management Guidelines for Workplaces</i>, KKM (Annex 25)<sup>1</sup>;</li> <li>ii. Memastikan Pekerja dengan status MySejahtera ‘Risiko Tinggi’, iaitu kes positif COVID-19 dan individu sedang dalam tempoh Perintah Pengasingan (HSO), tidak dibenarkan berada di premis atau di lokasi aktiviti;</li> <li>iii. Menjalankan proses pembersihan dan disinfeksi berdasarkan Garis Panduan Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, KKM (Annex 36)<sup>1</sup>;</li> <li>iv. Membiayai kos ujian saringan sekiranya Pekerja bergejala semasa di premis atau di lokasi aktiviti, kos pembersihan dan disinfeksi di premis;</li> <li>v. Majikan perlu menanggung kos pengasingan kes COVID-19 dan kuarantin kontak rapat. Bagi penjawat awam, tertakluk kepada pekeliling Kerajaan dari semasa ke semasa; dan</li> <li>vi. Menerima pakai digital HSO untuk Pekerja yang disahkan COVID-19 sebagai pembuktian Pekerja menjalani pengasingan.</li> <li>vii. Jika didapati berlaku kluster kes COVID-19 di sesebuah premis, laporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dengan segera<sup>2</sup>.</li> </ol>
	<p><b><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Melaporkan keputusan ujian pengesanan COVID-19 dalam aplikasi MySejahtera.</li> <li>ii. Menjalani pengasingan selama tujuh (7) hari sekiranya positif COVID-19.</li> <li>iii. Individu boleh dilepaskan dari pengasingan sekiranya keputusan ujian RTK Ag pada hari ke-4, atau hari ke-5, atau hari ke-6 adalah didapati negatif. Ujian RTK-Ag ini boleh dilakukan secara fizikal di fasiliti kesihatan atau secara maya dengan seliaan pengamal perubatan berdaftar.</li> <li>iv. Sekiranya keputusan ujian ini masih positif, pengasingan perlu diteruskan sehingga hari ke-7. Tiada ujian yang perlu dilakukan selepas lengkap pengasingan selama 7 hari.</li> <li>v. Dilarang menggunakan pengangkutan awam atau memasuki premis atau menjalankan aktiviti di tempat awam jika status MySejahtera adalah ‘Berisiko Tinggi’, iaitu kes positif COVID-19 atau dalam tempoh Perintah Pengasingan (HSO).</li> <li>vi. Kes positif COVID-19 yang perlu ke CAC atau fasiliti kesihatan untuk menjalani pemeriksaan dan penilaian kesihatan atau ke suatu premis yang telah dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, hendaklah segera meninggalkan premis setelah urusan selesai dan meneruskan HSO sehingga tamat tempoh.</li> </ol> <p>Nota: <sup>1</sup> Sila rujuk <u>garis panduan COVID-19 KKM (Annex 25 dan Annex 36)</u>  <sup>2</sup> Kluster didefinisikan sebagai dua (2) kes COVID-19 atau lebih dalam satu lokaliti dan mempunyai kaitan dari segi epidemiologi (pendedahan semasa tempoh inkubasi dan semasa kes berada dalam fasa kebolehhangkitan)</p>



## Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
<b>7B. Pengurusan Pengembara Yang Tiba di Malaysia<sup>1,2,3</sup></b>	<p><b><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memaklumkan syarat keperluan pengembara melalui cara komunikasi yang bersesuaian.</li> </ul>
	<p><b><u>B) Pekerja:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merujuk pengembara yang bergejala untuk penilaian kesihatan.</li> </ul>
	<p><b><u>C) Individu:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua pengembara dibenarkan memasuki Malaysia tanpa mengira status vaksinasi COVID-19 dan tidak memerlukan ujian COVID-19 pra-pelepasan ataupun ujian semasa ketibaan. Tiada arahan kuarantin berkaitan COVID-19 yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia semasa ketibaan.</li> <li>ii. Pengembara boleh memuat turun dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera sebelum atau semasa ketibaan di Malaysia bagi menunjukkan status risiko COVID-19 semasa berada di Malaysia.</li> <li>iii. Sekiranya bergejala semasa ketibaan di Malaysia, pengembara hendaklah membuat rujukan sendiri ke kaunter saringan kesihatan/ke fasiliti kesihatan.</li> <li>iv. Pengembara yang didapati positif COVID-19 perlu menjalani pengasingan melalui Perintah Pengasingan (HSO) selama tujuh (7) hari. Individu boleh dilepaskan dari pengasingan bermula pada hari ke-4, ke-5 atau ke-6 apabila tiada gejala dan keputusan ujian RTK Ag yang diselia oleh pengamal perubatan berdaftar adalah negatif. Pelepasan pada hari ke-7 tidak memerlukan sebarang ujian pengesanan COVID-19.</li> <li>v. Pengembara positif COVID-19 dilarang memasuki premis atau menjalankan aktiviti di tempat awam sepanjang tempoh di bawah Perintah Pengasingan (HSO).</li> <li>vi. Protokol yang sama akan diguna pakai bagi semua kategori pengembara termasuk Umrah, Haji, pekerja asing, pelaut, dan pekerja pelantar minyak.</li> </ul>

# PANDUAN TAMBAHAN

**Muka Surat**

**1. Vaksinasi**

**11**



# 1. Panduan Vaksinasi

Seseorang individu perlu memenuhi syarat berikut untuk dianggap sebagai vaksinasi lengkap:

Status Vaksinasi Lengkap <sup>1,2,4</sup>						
Jenis Vaksin	Jumlah Suntikan Yang Perlu Diterima Mengikut Status Vaksinasi					Tempoh Efektif Status Vaksinasi Selepas Suntikan Terakhir
	Dos Primer Lengkap	Individu		Pengembara		
		Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)		Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)		
		18-<60 tahun	60 tahun dan ke atas	18-<60 tahun	60 tahun dan ke atas	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• CoronaVac (Sinovac)</li> <li>• Covilo (Sinopharm)</li> </ul>	2 dos	3 dos	3 dos	3 dos	3 dos	Suntikan dos primer: 14 hari  Suntikan dos penggalak: Selepas suntikan diterima
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Comirnaty (Pfizer-BioNTech)</li> <li>• COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca)</li> <li>• Spikevax (Moderna)</li> </ul>	2 dos	2 dos	3 dos	2 dos	3 dos	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• COVID-19 Janssen (Johnson &amp; Johnson)</li> <li>• Convidecia (CanSino)</li> </ul>	1 dos	1 dos	2 dos	1 dos	2 dos	
• Semua jenis vaksin lain	Mengikut kelulusan pihak berkuasa negara pengeluar					

Nota: <sup>1</sup> Senarai jenis, jenama vaksin dan definisi vaksinasi lengkap di atas tertakluk kepada pengiktirafan KKM dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Untuk vaksin lain yang diiktiraf oleh Penyenaraian Penggunaan Kecemasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation's Emergency Use Listing*), definisi vaksinasi lengkap tertakluk kepada pengiktirafan WHO, pihak berkuasa antarabangsa dan negara asal (senarai jenis dan jenama vaksin ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa).

<sup>2</sup> Semua penerima vaksin Sinovac dan Sinopharm berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin dos primer berusia 60 tahun dan ke atas akan kehilangan status Vaksinasi Lengkap dalam aplikasi MySejahtera mereka sekiranya masih belum menerima dos penggalak bermula 1 April 2022. Namun maklumat sejarah vaksin primer yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera masih kekal<sup>3</sup>.

<sup>3</sup> Bagi kumpulan individu yang dinyatakan di atas (<sup>2</sup>), mereka masih boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan ke atas individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dos primer.

<sup>4</sup> Bagi jemaah umrah dan haji, Kerajaan Malaysia menetapkan keperluan dos penggalak untuk melindungi jemaah kerana risiko jangkitan yang tinggi di perhimpunan ramai di Tanah Suci. Jemaah berusia 18 tahun ke bawah tidak tertakluk kepada keperluan ini sekiranya mengerjakan umrah bersama ahli keluarga yang lengkap vaksinasi dan dos penggalak.



# KAWALAN VERSI

TARIKH	VERSI	KEMASKINI	BAHAGIAN
01.04.22	1.0	N/A	N/A
01.05.22	1.1	Definisi Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis	Arahan Tetap
		Syarat yang dikuatkuasakan oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis dan Individu	Pengurusan Pengembara Dari Luar Negara
03.08.22	1.2	Kategori aktiviti tidak dibenarkan digugurkan.	Kategori Aktiviti Pengurusan Pengembara Ynag Tiba di Malaysia
		Pindaan kepada keperluan lengkap vaksin bagi pengembara. Keperluan pengembara mengisi borang pra-pelepasan dan menjalani ujian COVID-19 semasa ketibaan digugurkan.	
08.09.22	1.3	Keperluan memakai pelitup muka telah disemak iaitu pemakaiannya diwajibkan semasa berada di fasiliti kesihatan dan semasa dalam pengangkutan awam.	Prosedur Operasi Standard (SOP) Perkara 2: Pelitup muka
29.09.22	1.4	Pengecualian memakai pelitup muka dalam kapal terbang	Prosedur Operasi Standard (SOP) Perkara 2: Pelitup muka
04.11.22	1.5	Kebenaran kes positif COVID-19 keluar dari premis HSO ke suatu premis yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.	Pengurusan Individu Disahkan COVID-19





# MYSOP

Dokumen ini telah disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

---

## HUBUNGI KAMI

### Malaysia Government Call Centre

80008000@mygcc.gov.my | 03-8000 8000 | [www.malaysia.gov.my](http://www.malaysia.gov.my)

### Kementerian Kesihatan Malaysia

cprc@moh.gov.my | 03-7723 9300 | [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)

### Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

projkkp@mohr.gov.my | 03 8886 5343 | [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)

Untuk maklumat lanjut sila layari:

Portal MKN: <https://www.mkn.gov.my/>

Portal MySOP: <https://www.mysop.gov.my/>

Portal Protokol Kesihatan COVID-19 KKM: <https://covidprotocol.moh.gov.my/>

---

## #ReopeningSafely